

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)57

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

57. Pada masa kini, kenderaan elektrik telah semakin diperluaskan kegunaannya di pasaran. Apakah perkembangan terkini infrastruktur stesen pengecasan kenderaan elektrik (EVCB) dalam Negeri Pulau Pinang?
- (a) Berapakah kadar penggunaan stesen pengecas kereta elektrik ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

57. Perkembangan *Electrical Vehicle Charging Bay* (EVCB) di Negeri Pulau Pinang terus menunjukkan kemajuan selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk memperkukuh ekosistem mobiliti hijau.

Terdapat sebanyak 264 unit EVCB telah dipasang oleh pihak swasta di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) buat masa ini. Selain itu, pihak MBPP sedang melaksanakan *Request for Proposal* (RFP) melibatkan

pemasangan 158 unit EVCB tambahan dengan 62 unit EVCB telah dipasang dan sedang beroperasi. Baki unit EVCB dijangka dapat siap dipasang sepenuhnya menjelang akhir tahun 2025.

Manakala bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, terdapat sebanyak 134 unit EVCB yang telah dipasang oleh pihak swasta buat masa ini. Selain itu, pihak pengusaha yang dilantik oleh MBSP sedang melaksanakan kerja-kerja pemasangan sebanyak 74 unit EVCB tambahan.

(a) Kadar penggunaan EVCB di Negeri Pulau Pinang menunjukkan variasi mengikut kawasan pentadbiran dan peringkat pelaksanaan semasa.

Bagi kawasan pentadbiran MBPP, kadar purata penggunaan EVCB adalah antara 1% sehingga 13%, bergantung kepada lokasi dan tahap penggunaan oleh orang awam. Sementara itu, bagi kawasan pentadbiran MBSP, kadar penggunaan EVCB masih belum dapat direkodkan memandangkan kemudahan berkenaan masih

dalam proses pemasangan oleh pengusaha yang dilantik oleh MBSP dan belum beroperasi sepenuhnya.

Bagi EVCB yang dikendalikan oleh pihak swasta pula, data penggunaan adalah di luar kawalan PBT.